



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **SASAR RM 2 JUTA SEMPENA FAMA FEST 2024 @ PERAK**

**GOPENG, 29 FEBRUARI 2024** – Program FAMA Fest merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh FAMA. Program ini dianjurkan bagi mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pertanian dan makanan tempatan kepada orang ramai. Pada tahun ini Program FAMA Fest 2024 di Perak diadakan di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Perak selama lima hari bermula 29 Februari hingga 4 Mac 2024 dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Program FAMA Fest telah bermula pada tahun 2017 di RTC Gopeng, Perak. Ianya diteruskan saban tahun sehingga dihentikan pada tahun 2021 akibat Pandemik Covid-19. Program FAMA Fest menjadi acara kemuncak FAMA dalam memberi pendedahan kepada usahawan ke arah mempertingkatkan tahap keusahawanan dan daya saing serta menarik minat usahawan muda menceburi bidang pemasaran pertanian terutamanya di peringkat negeri secara luar talian dan atas talian, program ini mampu meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai peranan FAMA sebagai peneraju dalam bidang pembangunan pemasaran hasil pertanian negara.

Pada tahun ini, FAMA merancang untuk menganjurkan lapan siri FAMA Fest yang akan bermula di Perak, diikuti oleh Sarawak, Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, dan Sabah. Bagi penganjuran FAMA Fest pada tahun ini, FAMA menyasarkan nilai jualan sebanyak RM7.3 juta dengan melibatkan seramai 580 orang usahawan, serta berharap dapat menarik kehadiran seramai 500 ribu orang pengunjung.

Sejak tahun 2017 hingga 2023, penganjuran FAMA Fest mendapat sambutan yang menggalakkan dari pengguna dan usahawan, dengan nilai jualan yang dicatat berjumlah RM24 juta melibatkan 2,180 orang usahawan dan telah menarik 2.2 juta pengunjung.

Antara objektif Program FAMA Fest ini ialah menghebahkan peranan perkhidmatan sokongan industri Jabatan & Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada usahawan dan masyarakat setempat. Selain itu, program ini juga mempromosikan aktiviti pemasaran pertanian berteknologi di RTC Perak serta meluaskan pasaran produk segar agromakanan, pengusaha makanan negeri, produk Industri Makanan Asas Tani (IMAT) dan florikultur. Hasilnya, program ini dapat mendedahkan usahawan kepada suasana pemasaran sebenar serta jaringan pemasaran yang lebih luas dan terbuka.

FAMA Fest di Perak kali ini menawarkan 210 lot tapak jualan dan memberi manfaat kepada 131 orang usahawan yang terlibat secara langsung. Jangkaan pengunjung dianggarkan sekitar 110,000 orang dan sasaran nilai jualan sebanyak RM2 juta sepanjang lima hari program ini berlangsung.

Pada petang ini juga, YB Datuk Arthur Joseph Kurup telah menyampaikan insentif geran yang berjumlah RM517,500 kepada 25 orang penerima yang meliputi Geran Pembangunan Institusi Pemasaran, Geran Agrobazaar K-Shopee dan Bantuan Peralatan Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) dan turut menyaksikan penyampaian insentif bantuan dari Jabatan Pertanian yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti Binti Othman yang berjumlah RM1,588,000.00 kepada tiga orang penerima.

Pelbagai jenis makanan dan minuman akan diketengahkan kali ini menerusi kluster Empayar Makanan yang membawakan makanan tular dan terkenal. Selain itu, para pengguna juga boleh mendapatkan barang keperluan isi rumah seperti 9,000 kampit Beras Putih Tempatan (BPT), 12 ribu biji telur ayam, sayur-sayuran, buah-buahan dan Kombo MADANI yang ditawarkan pada harga penjimatan sehingga 30%. Pengguna juga boleh melihat ikan hiasan dan haiwan kesayangan seperti kucing, arnab dan lain-lain. Juga terdapat jualan pelbagai anak pokok dan bunga-bungaaan serta jualan pelbagai jenis produk Industri Makanan Asas Tani (IMAT) usahawan tempatan yang akan menjadi tawaran kepada pengunjung yang hadir.

Pelbagai pameran seperti Pameran Korporat dan Perkhidmatan FAMA diadakan untuk memberikan informasi terkini mengenai perkhidmatan-perkhidmatan FAMA kepada rakyat. Selain itu, terdapat persembahan dan acara pentas menerusi *Rhythm of Farmers* seperti kuiz atas talian, slot kerohanian dan lain-lain.

Turut diadakan pemeriksaan kesihatan dan derma darah. Pengunjung juga disarankan untuk melihat Pusat Rujukan @ Hygrow Farm Ville yang memperlihatkan teknologi tanaman pertanian yang digunakan serta mini pesta cahaya.

#####

**Disediakan oleh:**

**Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan  
29 Februari 2024**